

NILAI YANG MENDASARI INTEGRITI DAN AMALAN MASYARAKAT HADHARI

Khairul ‘Azmi Mohamad
&
Nooraini Othman

PENDAHULUAN

Bahagia punya banyak makna bagi manusia. Ada yang mendefinisikan bahagia dapat dinikmati bila punya wang dan harta benda yang banyak. Ada yang merasakan bahagia apabila dapat hidup berseronok-seronok. Ada juga yang mentakrifkan bahagia apabila punya waktu yang terluang. Bahagia terus ditafsir dalam makna yang pelbagai termasuklah kebebasan untuk melakukan apa sahaja.

Menurut seorang sarjana Islam tersohor, Dr. Yusuf Al-Qaradhawy, hanyalah keimanan yang dapat memancarkan ke dalam hati manusia sumber-sumber kebahagiaan yang dirindukan oleh setiap orang. Kebahagiaan baru menjadi suatu kenyataan yang dapat dirasakan hanyalah jika ada ketenangan, ketenteraman, keamanan batin, pengharapan, kepuasan, cita-cita dan kasih sayang. Untuk semua itu iman yang menjadi sumbernya. Tanpa ada keimanan, hal-hal di atas hanyalah dapat menjadi sebutan dan harapan kosong belaka. Dengan iman, tercipta keamanan lahir dan batin.¹

Ia lalu dirumuskan sebagai *hayatan toyyibah* iaitu kehidupan yang baik dan balasan syurga. Keduanya itu berdasarkan firman Allah yang bermaksud:

*Dan sesiapa yang mengerjakan perbuatan baik, lelaki atau wanita, sedang dia beriman, nescaya akan Kami (Allah) berikan kepadanya kehidupan yang baik.*²

Balasan syurga yang dijanjikan tersebut dinyatakan oleh Allah dalam firmanNya yang bermaksud:

*Dan sampaikanlah berita gembira, kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh (perbuatan baik), bahawa mereka akan memperoleh taman syurga yang mengalir di dalamnya sungai-sungai*³

Dalam erti kata yang lain, keimanan itu diterjemahkan dalam bentuk perbuatan yang baik yang menatijahkan kehidupan yang baik juga.

NILAI-NILAI TERAS

Rasulullah adalah contoh tauladan terbaik bagi dinilai dan diamalkan. Testimoni ini telah dinyatakan sendiri oleh Allah dalam al-Quran melalui firmanNya yang bermaksud:

Sesungguhnya pada diri Rasulullah itu terdapat contoh tauladan terbaik, bagi mereka yang mengharap (keredhaan) Allah dan (kebahagiaan) hari akhirat dan mengingat Allah sebanyak-banyaknya.⁴

Dalam menelusuri nilai-nilai teras yang perlu dijadikan asas kepada integriti masyarakat hari ini, amat tepat apabila kita mengkaji serta memahaminya melalui sifat-sifat Nabi Muhammad (SAW). Ada empat sifat besar yang menjadi nilai teras untuk diamalkan. Sekiranya masyarakat menjadikan nilai teras ini sebagai budaya dan amalan dalam kehidupan, adalah diyakini tahap integriti masyarakat akan berada di tahap yang tertinggi. Dalam hubungan ini, kita perlu melihat diri Rasulullah (SAW) dari dimensi yang pelbagai iaitu bukan sahaja sebagai nabi dan rasul tetapi turut melihat diri baginda sebagai manusia secara individu, bapa, datuk, ahli perniagaan, panglima angkatan tentera, pemimpin negara serta berbagai lagi peranan yang dilaksanakan oleh baginda.

Empat sifat tersebut adalah *siddiq* (benar), *amanah* (dipercayai), *tabligh* (menyampaikan) dan *fathonah* (bijaksana). Keempat-empat sifat ini telah disepakati oleh para sarjana Islam seluruhnya sebagai sifat-sifat yang menjadi teras kepada kerasulan baginda. Para pelajar sekolah Agama dan mereka yang melalui modul pendidikan Islam sudah pasti akan didedahkan dengan sifat-sifat ini seawalnya dalam pengajian mereka. Lazimnya, ia dipelajari sebaik pelajar diperkenalkan kepada sifat-sifat Allah S.W.T. dan nama-namanya yang indah.

SIDDIQ - BENAR

Dalam memperkatakan sifat *siddiq*, Rasulullah adalah terkenal sebagai manusia yang benar kata-kata dan perbuatannya. Malah baginda adalah pelaksana utama apa yang diperkatakannya. Siapa yang tidak mahu mengikut manusia ataupun pemimpin yang benar pada kata dan perbuatannya? Dalam hubungan ini, kalau manusia menghayati sifat ini, sudah pastilah darjat integritinya menjadi tinggi. Kalau dia seorang pemimpin, sudah tentu kawan mahupun lawan akan menghormatinya.

Dalam hubungan ini Allah S.W.T. mencela golongan yang hanya tahu berkata-kata ataupun hanya pandai menyeru manusia kepada kebaikan dan kebenaran tetapi tidak pula mahu beramal dengan apa yang diperkatakannya. Firman Allah dalam al-Quran bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman, mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak perbuat. Amat besar kebencian di sisi Allah kamu mengatakan perkara yang kamu tidak perbuat.⁵

Dalam syarahan kepada kitab *al-Wafi* Syarah 40 Hadis, disebutkan bahawa seseorang itu hendaklah memiliki hati yang murni dan bersih daripada sebarang kekotoran. Percakapannya keluar dari hati yang benar, lantas mengetuk pintu-pintu hati. Adapun orang yang hati dan

jiwanya berpenyakit, maka percakapannya adalah keluar daripada bibirnya dan memasuki salah satu dari dua telinga pendengarnya lalu keluar melalui telinga yang satu lagi.⁶

Diriwayatkan bahawa Hasan al-Basri telah mendengar seorang penceramah memberi peringatan kepada orang ramai di mesjid Basrah tetapi beliau tidak terkesan dengan peringatannya. Lalu beliau berkata kepada penceramah tersebut selepas orang ramai bersurai: “Wahai tuan hamba, sam ada hatimu berpenyakit ataupun hatiku.”⁷

Turut dinukilkan juga dalam kitab tersebut, perbuatan seseorang itu hendaklah menepati perkataannya. Ini disebabkan para pendengar yang kagum dengan kefasihan dan kepetahan percakapannya akan meneliti amalan dan perbuatannya. Jika perbuatannya menepati kata-katanya, mereka mengikiut dan meneladaninya.⁸

Telah dikatakan: “Barangsiapa yang memberi peringatan dengan kata-katanya, sia-sialah bicaranya dan barangsiapa yang memberi peringatan dengan perbuatannya, maka anak panahnya tepat mengenai sasaran.”⁹

Selain memperkatakan kebenaran, hendaklah juga membicarakan perkara yang baik. Maksud hadis Rasulullah S.A.W. yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim menyatakan:

Barangsiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, hendaklah dia berkata dengan perkataan yang baik ataupun berdiam diri.

Firman Allah dalam al-Quran selanjutnya bermaksud:

*Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah, dan tuturkanlah perkataan yang benar dan jitu. Nescaya Allah akan meluruskan amalan kamu dan mengampunkan dosa kamu. Barangsiapa yang mentaati Allah dan rasulNya, maka sesungguhnya dia telah mendapat ganjaran yang besar.*¹⁰

Peringatan yang berikut ini sangat penting, Allah berfirman yang bermaksud:

*Tidak ada suatu ucapanpun yang diucapkannya, melainkan ada di kanan dan kirinya malaikat pengawas yang sentiasa hadir.*¹¹

Hati yang murni dan bersih ini berkait rapat dengan keikhlasan manusia dalam melaksanakan segala tindak-tanduknya. Ia adalah paksi kepada sesuatu amalan itu diterima atau ditolak oleh Allah. Perkara pertama yang sukar dilakukan adalah untuk meletakkan hati supaya tetap di atas landasan ‘kerana Allah’ semata-mata dan bukannya mengharap sesuatu yang lain seperti pujian manusia ataupun kerana matlamat keduniaan seperti mencurahkan ilmu kerana wang ringgit yang dimatlamatkan.

Seandainya ujian keikhlasan yang pertama tadi telah dilepasi, masih lagi terdapat ujian peringkat kedua yang mungkin membatalkan yang niat yang ikhlas tadi. Ujian kedua pula adalah untuk terus tetap ikhlas dan tidak bercakap-cakap mengenai kebaikan yang telah dilakukannya. Ramai manusia suka membicarakan mengenai kebaikan yang telah dilakukannya dengan niat menunjuk-nunjuk. Apabila ini berlaku, sia-sialah amalan mereka kerana pahala dari ibadah dan kebaikannya itu telah terbatal.

Sebagai contoh, dalam bab bersedekah, ia perlu dilakukan dengan penuh keikhlasan. Firman Allah dalam al-Quran bermaksud:

*Mereka dengan rela hati menjamu makanan kepada orang miskin, anak yatim dan orang tahanan. (Mereka mengatakan) sesungguhnya kami menjamu kamu sekalian adalah semata-mata kerana Allah. Kami tidak mengharap apa-apa balasan dan terima kasih dari kalian.*¹²

Apa yang mereka harapkan hanyalah ganjaran dari Allah sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

*Sesungguhnya Allah membeli dari orang-orang mukmin diri mereka dan harta mereka dengan bayaran (ganjaran) syurga.*¹³

AMANAHAH

Amanah ini sangat luas pengertiannya. Kita biasa mendengar ungkapan ‘pecah amanah’ yang membawa maksud seseorang itu telah melakukan pengkhianatan ataupun penyelewengan terhadap sesuatu yang telah diamanahkan atau dipercayakan kepadanya untuk dipelihara atau dipertanggungjawabkan kepadanya untuk dijaga seperti harta milik orang lain ataupun wang ringgit yang bukan kepunyaannya.

Apa yang paling penting, apabila amanah telah diberikan, ia wajib ditunaikan atau disempurnakan. Manusia seluruhnya punya amanah yang mana dia akan dipertanggungjawabkan mengenainya. *Mas-uuliah* dalam bahasa Arab ataupun *accountability* dalam bahasa Inggeris melambangkan pertanggungjawaban yang perlu dibuat iaitu kepada dua pihak. Pertama kepada Allah dan kedua kepada manusia.

Pemikulan tanggungjawab ini yang menentukan hina atau mulia seseorang itu. Ia juga menjadi penentu tinggi atau rendahnya martabat integriti seseorang itu. Kita akan mendapat petunjuk dari penghayatan maksud firman Allah yang berikut:

*Ditimpakan kehinaan di mana juga (manusia) berada, kecuali (yang menjaga) hubungannya dengan Allah dan hubungannya dengan manusia.*¹⁴

Mereka yang telah diberikan amanah secara pasti akan dinilai sejauh mana amanah tersebut ditunaikan. Orang-orang yang beriman akan lebih berhati-hati dan tegas dalam memelihara amanah. Maksud firman Allah yang berikut ini sewajarnya menginsafkan kita:

*Sesungguhnya kami telah berikan amanah itu kepada langit, bumi dan gunung; mereka semua tiadk sanggup untuk memikulnya. Lalu manusia memikulnya, sesungguhnya manusia itu zalim dan jahil.*¹⁵

Perkara pertama yang manusia mesti sedar terhadap amanah yang diberikan kepadanya adalah untuk menjadi khalifah yang berperanan memakmorkan muka bumi. Ia bermaksud, manusia perlu menjadikan bumi ini tempat kehidupan yang baik dan sejahtera serta aman sama ada untuk tujuan kediaman, mencari penghidupan ataupun pengabdian kepada Allah. Kedamaian, kebersihan, keselesaan, keindahan dan kesempurnaannya mestilah dipelihara kerana ia adalah anugerah serta amanah Allah untuk manusia menjaganya.

Dalam Quran Allah berfirman yang bermaksud:

Sesungguhnya Aku ciptakan bagi muka bumi ini khalifah¹⁶

Sebagai khalifah dia juga punya peranan sebagaimana yang dinyatakan dalam firman Allah yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu untuk menyampaikan amanah kepada orang yang berhak menerimanya, dan apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya menetapkannya dengan adil. Sesungguhnya Allah memberikan pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu, sesungguhnya Allah maha mendengar lagi maha melihat. Wahai orang-orang yang beriman, taatlah Allah dan taatlah Rasul serta ulil amri (pemimpin) dari kalangan kamu. Jika kamu berselisih pendapat mengenai sesuatu perkara, maka hendaklah kamu kembali (merujuk) kepada (kitab) Allah dan (sunnah) Rasul jika benar kamu beriman dengan Allah dan hari akhirat, yang tersebut itu adalah sebaik-baik kesudahan.¹⁷

Ayat di atas menyentuh kedua-dua kelompok manusia iaitu pemimpin dan rakyat. Kepatuhan yang utama adalah kepada Allah dan Rasul. Kepatuhan kepada pemimpin adalah bersyarat iaitu pemimpin tersebut tidak memerintah kepada perlakuan maksiat. Rasulullah menyebut dalam hadis yang bermaksud:

Bagi individu Muslim itu wajib baginya untuk mendengar dan taat (kepada pemimpin) sama ada dia suka atau tidak selagi dia tidak diperintah melakukan maksiat. Sekiranya diperintah untuk melakukan maksiat, maka dia tidak wajib untuk mendengar dan taat.

Dalam keseluruhan hubungan, kita semua, sama ada sebagai pemimpin, rakyat, penjawat awam, pekerja swasta mahupun ahli perniagaan serta pelajar punya amanah yang wajib ditunaikan. Kalau amanah ini terabai, ertinya jatuhlah darjat integriti kita.

Bagi pemimpin, amanahnya adalah untuk mentadbir dengan penuh keluhuran dan memberi khidmat yang terbaik kepada seluruh warga. Bagi penjawat awam, amanahnya adalah untuk memberi khid yang baik serta memenuhi keperluan rakyat terbanyak. Bagi para pendidik, amanahnya adalah untuk membangun kecemerlangan intelektual dan sakhshiah anak-anak. Bagi ibu bapa, amanahnya adalah untuk mendidik anak menjadi insan rabbani yang seimbang dan sepadu kecemerlangan aspek duniawi dan akhiratnya. Bagi pelajar, amanahnya adalah untuk menjadi modal insan terbilang yang akan mewarisi negara di masa hadapan. Akhirnya, keseluruhannya punya amanah yang wajib ditunaikan.

Kalau kita berada dalam kedudukan untuk memilih atau melantik seseorang untuk sesuatu tugas, adalah menjadi amanah kita untuk memilih mereka yang berkeelayakan. Jika aspek ini diabaikan, ia akan menyebabkan kelemahan, bahkan kehancuran.

Rasulullah S.A.W. bersabda (riwayat al-Bukhari daripada Abu Hurairah) yang bermaksud:

Jika amanah dihilangkan maka tunggulah saat kehancurannya. Sahabat bertanya: Bagaimanakah amanah boleh dihilangkan? Rasulullah menjawab: Jika suatu perkara diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya (dalam bidangnya), maka tunggulah kehancurannya.

Apabila diberikan amanah, jangan khianati amanah. Ia menjatuhkan integriti diri dan organisasi. Pecah amanah, rasuah, curi, cuai, bocor rahsia dan pelbagai lagi kesalahan hanya menjerumuskan manusia ke lembah kehinaan.

TABLIGH

Tabligh ertinya menyampaikan. Pada dasarnya, dalam konteks kerasulan, ia adalah menyampaikan risalah Allah kepada seluruh umat manusia. Dalam realiti hari ini, tabligh ini merupakan tanggungjawab untuk menyebarkan kebaikan dan berdakwah bagi mengajak manusia patuh kepada Allah dan Rasul serta menjadi insan taqwa.

Kalau kita laksanakan tanggungjawab ini secara berkesan dan penuh keikhlasan, bukan sahaja akan mendapat ganjaran baik dari Allah, malah kita juga akan memainkan peranan khalifah yang menyeru manusia memakmurkan muka bumi. Apa akan jadi apabila bumi dipenuhi dengan mausia yang berbuat kebaikan dan lari dari kejahatan? Tentunya dunia ini akan menjadi tempat tinggal yang paling membahagiakan. Sebaliknya pula, apa akan jadi jika bumi dipenuhi kejahatan dan kemaksiatan? Tentunya dunia ini akan menjadi tempat yang paling tidak selamat dan membosankan untuk didiami.

Sebagaimana Rasul, kita juga punya tanggungjawab bagi menyampaikan risalah kebaikan supaya penghayatannya nanti dapat menjadikan manusia lebih patuh kepada Allah. Firman Allah dalam al-Quran bermaksud:

Hendaklah ada di kalangan kamu sekumpulan manusia yang menyeru kepada kebaikan dan menyuruh makruf dan mencegah kemungkaran.¹⁸

Dalam menyeru manusia kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran, pendekatannya mestilah betul. Dakwah perlu ada metodologi. Ia tidak boleh dilakukan secara sembarangan. Sebab itu di ayat yang lain Allah berfirman yang bermaksud:

Serulah manusia ke jalan Tuhanmu dengan kebijaksanaan dan contoh tauladan yang baik. Dan berdebatlah dengan mereka dengan debat yang baik.¹⁹

Kebijaksanaan bukan semstinya bermakna lembut. Dalam hal yang sebegini, keadaan semasa dan orang yang diseru itu perlu diambil kira dalam menentukan pendekatan yang paling sesuai. Adalah baik kalau pendakwah juga memiliki sedikit kefahaman dalam ilmu psikologi.

Dalam sejarah tamadun manusia, Firaun adalah manusia yang sangat jahat manakala nabi pula tentunya manusia yang penuh kebaikan. Namun begitu, semasa Allah perintahkan nabi Musa dan nabi Harun untuk menemui Firaun, dia diarah untuk penuh bijaksana. Maksud firman Allah yang berikut ini sangat menggambarannya:

*Pergilah kamu berdua kepada Firaun, sesungguhnya dia telah melapauai batas, maka berbicaralah kamu kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan dia ingat dan takut.*²⁰

Kesimpulannya, tanggungjawab menyampaikan kebaikan itu tugas semua. Firman Allah menjelaskannya yang bermaksud:

*Dan lelaki-lelaki yang beriman dan perempuan-perempuan yang beriman, sebahagian mereka adalah penolong bagi sebahagian yang lain, mereka menyuruh mengerjakan yang makruf dan mencegah dari yang mungkar.*²¹

Rakyat baik pasti integritinya tinggi, tentulah negaranya baik juga. Imam Hassan Hudhaibi menyebut, “binalah negara Islam dalam dirimu, nescaya akan terbinalah ia di tanah airmu.”

FATHONAH

Fathonah ertinya bijaksana. Bijaksana terbit dari ilmu dan penghayatan yang tinggi. Rasulullah merupakan insan yang sangat bijaksana. Oleh yang demikian, baginda dikagumi oleh seluruh pelusuk, sehinggalah hari ini. Sebagai pemimpin baginda ahli politik yang sangat bijaksana. Sebagai panglima perang, baginda adalah pakar strategi yang sangat bijaksana. Dalam keluarga, baginda adalah bapa dan datuk yang sangat bijaksana. Bukan anak dan cucu baginda sahaja yang sayang kepada baginda, malah kanak-kanak yang lain juga turut menyenangi baginda. Haiwan juga turut merasa tenang dengan sentuhan baginda.

Dalam konteks keilmuan dan ketamadunan, umat Islam sewajarnya menjadi umat yang paling maju. Wahyu pertama yang diturunkan menyuruh mereka membaca ataupun mencari ilmu. Allah berfirman yang bermaksud:

*Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia yang yang mencipta manusia dari segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmu amat mulia. Yang mengajar manusia mengguankan pena. Yang mengajar manusia apa yang mereka tidak ketahui.*²²

Kalau manusia bijaksana dan berilmu tinggi, dia pastinya dipandang mulia. Itu juga nilai integriti dirinya. Darjatnya juga berbeza. Firman Allah menjelaskan perkara ini, yang bermaksud:

*Allah meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan mereka yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat.*²³

Kebijaksanaan juga bermaksud keupayaan pemikiran tinggi dan penuh kreatif dalam menemukan formula baru bagi barangan ataupun bagi menyelesaikan isu yang berkaitan.

Kebijaksanaan juga memandu manusia mencari penyelesaian bagi masalah secara tertib dan berkesan. Tuntutan realiti semasa sangat mencabar kebijaksanaan banyak pihak sama ada ibu bapa, guru-guru, pemimpin masyarakat atau siapa sahaja yang terlibat dalam memdidik dan membentuk anak-anak khususnya generasi muda sama ada akhlaknya ataupun personalitinya. Cabarannya berbeza dengan dua puluh atau tiga puluh tahun dahulu. Bukan mudah untuk mencari pendekatan yang tepat. Sebab itu kita semua perlu terus belajar dan berguru dengan mereka yang tahu sama ada secara formal ataupun tidak. Tidak ada orang yang tahu dan faham semua perkara. Di situ kebijaksanaan kita akan meningkat.

Kalau ini berlaku, tentunya di mata anak, anak murid, pengikut atau siapa sahaja yang berkaitan, kita akan dipandang bijak lantaran ilmu pengetahuan dan keupayaan mengurus suasana. Mengurus manusia dan suasana bukanlah satu kerja yang mudah. Kisah Luqmanul Hakim, seorang manusia istimewa yang dirakam wasiatnya dalam alQuran sangat bermakna kepada kita.

Di antara cerita yang disampaikan kepada kita. Suatu hari Luqman mengajak anaknya ke bandar dengan menaiki keledai. Matlamatnya di mahu agar anaknya faham tingkah laku manusia serta sukarnya untuk kita puaskan hati manusia. Buat permulaannya, anaknya menaiki keledai dan Luqman menarik talinya sambil berjalan – lalu orang berkata, apalah anak yang tidak menghormati orang tuanya, dia berkenderaan, ayahnya berjalan. Kali ini mereka bertukar kedudukan, Luqman menaiki keledai dan anaknya pula menarik tali sambil berjalan – lalu orang berkata, apalah ayah yang sudah dewasa berkenderaan membiarkan anaknya berjalan. Berikutnya, kedua-dua berjalan dengan menarik keledai – lalu orang berkata, alangkah bodohnya manusia, ada keledai mereka berjalan kaki. Kali ini, kedua-dua mereka menaiki keledai pula – lalu orang berkata, apalah manusia yang tak bertimbang rasa, keledai yang kecil dinaiki berdua.

Kesimpulannya, kalau mahu dituruti semua orang, tiada siapa yang akan puas hati. Namun, itulah kebijaksanaan Luqman dalam mendidik anaknya ilmu memahami masyarakat, ilmu memahami situasi.

PENUTUP

Penguatkuasaan adalah satu pendekatan mempertingkatkan integriti seperti kewujudan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Pendidikan juga satu pendekatan seperti kewujudan Institut Integriti Malaysia. Namun apa yang penting adalah satu keinsafan yang perlu wujud sebagaimana ingatan Allah dalam al-Quran yang bermaksud:

*Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.*²⁴

Tidak ada suatu apapun yang kekal kecuali dengan kehendak Allah. Sebesar manapun kerajaan ataupun kekuasaan, kalau ia melupakan Allah, Allah juga akan menggantikannya dengan yang lain. Banyak sejarah kuasa besar dunia yang telah bertukar tangan sama ada

dalam sejarah politik Islam itu sendiri ataupun pengajaran dari kerajaan yang lainnya. Amaran Allah sangat jelas dalam hubungan ini melalui firmanNya yang bermaksud:

*Katakan, wahai Tuhan yang mempunyai kerajaan (kekuasaan), Engkau berikan kerajaan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkau ambil kerajaan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkau muliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkau rendahkan sesiapa yang Engkau kehendaki. Di Tangan Engkau segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau berkuasa di atas segala sesuatu.*²⁵

Manusia juga mesti memiliki keberanian. Keberanian menyatakan kebenaran, keberanian menyatakan pandangan, keberanian menegur dan membetulkan kesalahan. Di satu pihak lagi perlu ada kesediaan dan keterbukaan. Kesediaan dan keterbukaan untuk menerima kebaikan dan teguran yang membina demi penambahbaikan dan nilai tambah yang meningkatkan kualiti barangan mahupun perkhidmatan.

¹ Dr. Yusuf Al-Qaradhawi, *Al-Iman Wal Hayah*, terj. Fachruddin HS, *Iman dan Kehidupan*, Dewan Pustaka Fajar, Selangor, 2008, hlm. 79.

² Al-Quran, surah an-nahl: ayat 97.

³ Al-Quran, surah al-Baqarah: ayat 25.

⁴ Al-Quran, surah al-Ahzab: ayat 20.

⁵ Al-Quran, surah as-Soff: ayat 2-3.

⁶ Mustafa al-Bugha dan Muhyiddin Misto, *Al-Wafi Syarah Hadis 40 Imam Nawawi*, terj. Mohd. Asri Hashim, et. all, Edisi kedua, Pustaka Salam, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 306.

⁷ Ibid.

⁸ Ibid.

⁹ Ibid.

¹⁰ Al-Quran, surah al-Ahzab: ayat 70-71.

¹¹ Al-Quran, surah Qaf: ayat 18.

¹² Al-Quran, surah al-Insan: ayat 8-9.

¹³ Al-Quran, surah at-Taubah: ayat 111.

¹⁴ Al-Quran, surah

¹⁵ Al-Quran, surah

¹⁶ Al-Quran, surah al-Baqarah: ayat 30.

¹⁷ Al-Quran, surah an-Nisa': ayat 58-59.

¹⁸ Al-Quran, surah Ali Imran: ayat 104.

¹⁹ Al-Quran, surah an-Nahl: ayat 125.

²⁰ Al-Quran, surah Toha: ayat 43-44.

²¹ Al-Quran, surah at-Taubah: ayat 71.

²² Al-Quran, surah al-'Alaq: ayat 1-5.

²³ Al-Quran, surah al-Mujadalah: ayat 11.

²⁴ Al-Quran, surah al-Israa': ayat 36.

²⁵ Al-Quran, surah Ali-Imran: ayat 26.